

# buletin Selayangku Sayang

BIL 1 | JANUARI - MAC | 2014 | EDARAN PERCUMA



## MAJLIS ANGKAT SUMPAH AHLI MAJLIS 2014 - 2015 BERIKAN PERKHIDMATAN YANG TERBAIK - YDP

SERAMAI 17 orang Ahli Majlis telah melafaz akuan terima jawatan Ahli Majlis MPS sesi 2014-2015 yang diadakan pada 14 dan 20 Februari 2014 di Bilik Mesyuarat Siantan MPS.

Tuan YDP dalam ucapannya telah mengingatkan agar semua Ahli Majlis memahami peranan utama mereka iaitu sebagai penasihat dan pembuat dasar. Tuan YDP juga berharap pihak pengurusan dan kakitangan MPS memberikan kerjasama terbaik dengan Ahli Majlis supaya tugas harian dapat berjalan dengan lancar dan perkhidmatan terbaik dapat diberikan kepada masyarakat.

Di akhir ucapan beliau, Tuan YDP telah menyeru agar Ahli Majlis berusaha menjalinkan hubungan baik dengan masyarakat terutama di kawasan masing-masing. Mereka harus mendengar masalah yang dikemukakan dan menyelesaikan masalah dengan cepat tanpa sebarang birokrasi. Ahli Majlis juga perlu kerap turun padang bagi

meninjau masalah rakyat di kawasan masing-masing kerana sebagai Ahli Majlis secara tidak langsung mereka juga mewakili MPS.



### Ahli Majlis MPS Sesi 2014-2015

- |   |        |                                     |           |
|---|--------|-------------------------------------|-----------|
| 1. Tuan Mohd Azizi Bin Mohd Zain                                      |        | 10. Tn. Ismail Bin Hassan           | Zon 24    |
| 2. Y.A.D Tan Sri Dato' Paduka Raja<br>Hj. Wan Mahmood Bin Pa' Wan Teh | Zon 10 | 11. Tn. Gunarajah a/l R. George     | Zon 17    |
| 3. Tn. Lim Ching How  | Zon 8  | 12. Tn. Mohamad Azizul b. Abu Bakar | Zon 11    |
| 4. Tn. Ng Kok Chuan   | Zon 22 | 13. Tn. Zulnizam b. Shahrani        | Zon 21    |
| 5. Tn. Ng Wei Keong   | Zon 18 | 14. Tn. Hj. Mustafa Kamal b. Othman | Zon 6*,7  |
| 6. Tn. Yew Jia Haur   | Zon 5  | 15. Tn. Amir Fazlee b. Khalid       | Zon 9,12* |
| 7. Tn. Cheah Moon Hwa   | Zon 1  | 16. Pn. Faridah bt. Abd Karim       | Zon 15    |
| 8. Pn. Norazlin Binti Md Samsudin                                     | Zon 4  | 17. Tn. Asri b. Buang               | Zon 1     |
| 9. Tn. Mohd Fauzan Bin Madzlan  | Zon 3  | 18. Tn. Chua Wei Kiat               | Zon 2     |

\* Zon Memangku



## SIDANG REDAKSI

### PENASIHAT

Tuan Mohd. Azizi B. Mohd. Zain  
ydp@mps.gov.my  
Tuan Mohamad Zain B. A Hamid  
mohamadzain@mps.gov.my

### KETUA PENGARANG

En. Mohamad Zin B. Masoed  
zin@mps.gov.my

### PENOLONG KETUA PENGARANG

En. Ahmad Fauzi B. Ishak  
ahmad\_fauzi@mps.gov.my

### PENGARANG

En. Azhar B. Che Salleh  
azhar\_salleh@mps.gov.my  
Pn. Zauyah Bt. Idris  
zauyah@mps.gov.my  
Pn. Norhasliza Binti Hassan  
norhasliza@mps.gov.my  
Pn. Noraswalzaha Bt. Ibrahim  
asbrahim26@gmail.com  
Pn. Siti Maisarah Bt. Abd. Rahman  
maisarah@mps.gov.my

### PEREKA LETAK

Cik Erni Yusliza Bt. Zainuddin  
yusliza@mail.mps.gov.my

### JURUFOTO

Cik Anissapinah Bt. Mohd Dan  
anis@mps.gov.my

### DITERBITKAN OLEH

Jabatan Korporat  
Majlis Perbandaran Selayang

Penerbit tidak akan bertanggungjawab atas sebarang pelanggaran hak cipta dan masalah dari penerbitan ini. Sebarang maklum balas atau cadangan boleh dihantar kepada:

### Jabatan Korporat

Majlis Perbandaran Selayang  
Menara MPS, Persiaran 3, Bandar Baru Selayang  
68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan

No. Tel: 03 6126 5800 Fax: 03 6138 2728  
E-mel: aduanmps@mps.gov.my

### Assalamualaikum W.B.T, Dan Selamat Sejahtera

Pertamanya, setinggi-tinggi tahniah kepada sidang pengarang Buletin 'Selayangku Sayang' yang telah berjaya menerbitkan buletin pada kali ini.

### Perlantikan Ahli Majlis Sesi 2014-2015

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah atas perlantikan Ahli Majlis sesi 2014-2015. Seramai 17 orang daripada 25 Ahli Majlis telah pun mengangkat sumpah pengakuan penerimaan jawatan sebagai Ahli Majlis.

Ahli Majlis mempunyai fungsi yang amat penting iaitu sebagai penggubal dasar MPS di samping menentukan pelbagai polisi.

Ahli Majlis juga berfungsi sebagai pengantara antara masyarakat dan MPS. Jadi di sini saya ingin menyeru agar Ahli Majlis berusaha menjalinkan hubungan baik dengan masyarakat terutama di kawasan masing-masing.

Untuk tahun 2014, Ahli Majlis diperuntukkan sebanyak RM80 ribu bagi setiap zon iaitu RM60 ribu bagi kerja-kerja infrastruktur yang perlu di kawasan masing-masing dan RM20 ribu bagi aktiviti kemasyarakatan.

Saya amat berharap peruntukan yang diberi akan digunakan dengan penuh tanggungjawab dan sebaik yang mungkin di kawasan masing-masing.

Mengambil kesempatan ini, saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-Ahli Majlis bagi sesi 2013 yang telah memberikan kerjasama yang padu dan komitmen yang tinggi sepanjang perkhidmatan mereka.

Semoga segala usaha dan kerjasama tersebut akan dapat dipertingkatkan untuk kebaikan MPS dan penduduk setempat khususnya.

### Majlis Anugerah Kontraktor MPS 2013

MPS julung-julung kalinya telah menganjurkan Majlis Anugerah Kontraktor MPS 2013. Majlis ini adalah julung kali diadakan dan MPS adalah PBT pertama di Selangor yang melaksanakan anugerah seumpama ini.

Sebanyak 22 anugerah telah disampaikan yang merangkumi beberapa kategori dan kriteria penilaian.

Tujuan anugerah ini diadakan adalah untuk memberikan penghargaan dan nilai tambah kepada kontraktor MPS untuk kerja-kerja Kutipan Sisa Pepejal, Pembersihan Awam dan Landskap yang telah melaksanakan kerja-kerja dengan cemerlang sepanjang tahun 2013.

Anugerah ini juga akan digunakan sebagai salah satu kayu ukur bagi MPS membuat lantikan semula kontraktor bagi masa akan datang. Saya berharap dengan penganjuran anugerah ini akan dapat memberikan semangat kepada kontraktor untuk memberikan perkhidmatan yang lebih baik lagi kepada MPS dan juga masyarakat Selayang secara amnya.

Dengan hadirnya tahun 2014, marilah kita menanamkan tekad untuk terus bekerja dengan penuh komitmen dan bertanggungjawab.

Saya berharap MPS akan terus mampu bersaing di peringkat yang lebih tinggi khususnya dalam penilaian penyampaian perkhidmatan terbaik kepada masyarakat dan pelanggan kita.

MOHD AZIZI BIN MOHD ZAIN

Yang Dipertua  
Majlis Perbandaran Selayang

ANUGERAH ZON BERSIH 2013

**MPS Rangkul 3 Anugerah Zon Bersih**



**KERAJAAN** Negeri Selangor telah menganjurkan Anugerah Zon Bersih 2013 pada 28 Januari 2014 bertempat di SACC Mall, Shah Alam. Daripada 8 kategori yang dipertandingkan, MPS telah menerima 3 anugerah iaitu Johan bagi Kriteria Dokumentasi kumpulan 2, Johan bagi Kriteria Penyelenggaraan Landskap dan Naib Johan Keseluruhan Zon Bersih bagi kumpulan 2. Anugerah telah disampaikan oleh Y.A.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Ibrahim, Dato' Menteri Besar Selangor. Tahniah diucapkan kepada semua yang terlibat dalam menjayakan Program Zon Bersih bagi tahun 2013.



ANUGERAH KOMUNITI BESTARI 'K-STAR' PANGSAPURI SELANGOR 2013.

**MPS BAWA PULANG 3 ANUGERAH**

**BERTEMPAT** di Pusat Konvensyen Universiti Islam Selangor (KUIS) pada 2 Mac 2014, telah diadakan Perhimpunan Perdana Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan Perbadanan Pengurusan (MC) dan Anugerah Komuniti Bestari 'K-STAR' Pangsapuri Selangor 2013.

Program tersebut adalah sebahagian dari Kempen Pangsapuri Kita Bersih, Ceria Dan Harmoni (CERIA) yang dilancarkan pada

tahun 2009.

Anugerah terbahagi kepada dua kategori iaitu Anugerah K-STAR dan Anugerah Ceria. Anggota panel terdiri dari Pejabat Exco Perumahan, Pengurusan, Bangunan Dan Setinggalan, Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor (LPHS) dan Pesuruhjaya Bangunan di Pihak-pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Anugerah K-STAR khusus untuk pangsapuri yang telah dijual pada harga RM72,000 ke bawah, manakala Anugerah CERIA untuk pangsapuri yang telah lebih setahun dibaik pulih di bawah Program Baik

Pulih Negeri Berkebakjan (CERIA).

Dalam majlis penyampaian anugerah itu, MPS telah mendapat 3 anugerah iaitu Anugerah K-STAR tempat pertama Pangsapuri Kos Rendah Taman Tun Teja Fasa1, RM15,000.00. Anugerah CERIA tempat kedua, Gombak Permai, RM8,000.00 dan Anugerah Khas Juri COB Terbaik Selangor, RM5,000.00.

Anugerah telah disampaikan oleh Y.A.B Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Bin Ibrahim, Menteri Besar Selangor. Turut sama dalam program tersebut adalah YB Iskandar Abdul Samad Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan Dan Peneroka Bandar.





**BIL 1- 25/4/2013**

**Peruntukan Ahli Majlis**

Tuan YDP memaklumkan peruntukan yang diberikan kepada setiap Ahli Majlis adalah sebanyak RM80 ribu setahun iaitu RM60 ribu bagi kerja-kerja infrastruktur dan RM20 ribu bagi kerja-kerja kemasyarakatan.

Sehubungan itu, beliau juga memohon agar semua Ahli Majlis menggunakan peruntukan dengan sebaik yang mungkin, dan mengendalikan program-program yang baik untuk masyarakat dan kawasan zon masing-masing.

Beliau juga berharap agar perbelanjaan mematuhi perosedur kewangan MPS bagi mengelakkan sebarang kesulitan.

**BIL 2- 31/3/2014**

**Isu Pembangunan Bercampur Di Kawasan Sg. Tua Tambahan**



Tuan Amir Fazlee b. Khalid, Ahli Majlis Zon 9 membangkitkan tentang isu 'mix development' dimana terdapat kawasan yang bercampur di antara penempatan dan kilang industri. Mesyuarat dimaklumkan bahawa untuk makluman di kawasan Sg. Tua Tambahan ini telah melalui dua (2) fasa iaitu fasa pertama disekitar 2004 dan 2007, diadakan pemutihan kilang haram dimana satu program dari Kerajaan Negeri mengenai pembayaran premium semasa pemutihan diberi tempoh kelulusan dan boleh diberi lesen. Dan fasa kedua dimana mempunyai lesen yang lengkap melalui kelulusan pelan pembangunan, walau bagaimanapun lokasi yang

dimaksudkan agak sensitif dari segi pencanggahan zon guna tanah daripada Jabatan Perancang Bandar.'

**Tindakan Kompaun**

YAD. Tan Sri Dato' Paduka Raja Dato' Hj. Wan Mahmood b. Pa'wan Teh, Ahli Majlis mencadangkan tindakan kompaun terhadap pembuangan sampah. Jabatan Perkhidmatan Persekitaran dan Jabatan Penguatkuasa dan Keselamatan memaklumkan bahawa jabatan sentiasa mengadakan operasi bersama, dan untuk makluman juga pihak jabatan telah menyediakan satu usul iaitu kertas kerja mengenai 'reward kepada pemberi maklumat'. Kertas kerja ini mengenai orang awam yang memberi maklumat beserta bukti-bukti berkaitan pembuangan sampah haram akan menerima reward daripada MPS.

**BIL 3- 30/4/2014**

**Penyediaan Tawaran Perlantikan Panel Taman Rimba Bukit Lagong**



Tn. Mohd Fauzan b. Madzlan, Ahli Majlis Zon 3 mencadangkan agar mewujudkan satu produk dalam Taman Rimba Bukit Lagong untuk memudahkan MPS melakukan promosi di kawasan tersebut. Mesyuarat dimaklumkan bahawa pihak jabatan telah mengadakan mesyuarat bersama Jabatan Landskap dan Jabatan Koporat di mana pihak jabatan sedang dalam persediaan tawaran perlantikan panel.

Walaupun bagaimanapun, pihak jabatan telah mendapat satu tawaran dimana pihak luar yang memohon untuk menggunakan Taman Rimba Bukit Lagong selama setahun. Jika ada keperluan pihak jabatan akan membentangkan kertas kerja di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penswastaaan Dan Pelaburan dan pihak jabatan masih membuka tawaran untuk panel yang ingin menggunakan Taman Rimba Bukit Lagong.

**Isu Penjaja Tanpa Lesen**



Tn. Asri b. Buang, Ahli Majlis Zon 1 meminta pihak jabatan memantau aktiviti-aktiviti kelulusan lesen perniagaan kerana lesen perniagaan sah berpayung, berkerusi dan beroda tetapi apabila melaksanakan perniagaan telah menjadi struktur kekal.

Mesyuarat dimaklumkan bahawa Jabatan Pelesenan bersama Jabatan Penguatkuasa Dan Keselamatan telah menjalankan tindakan kompaun dan sitaan secara berterusan pada setiap hari Rabu.

Oleh itu, Tn. Amir Fazlee b. Khalid, Ahli Majlis mencadangkan agar Jabatan Pelesenan mengadakan perjumpaan di antara pengusaha dan peniaga-peniaga kecil untuk memberi penjelasan mengenai pemahaman, kesedaran, dan hala tuju berkenaan peraturan yang telah jabatan syaratkan.



## SAMBUTAN MAULIDUR RASUL PERINGKAT MPS

Jabatan Penilaian telah berjaya mendapat tempat pertama pertandingan sepanduk sempena sambutan Maulidur Rasul peringkat MPS pada 24 Januari 2014. Jabatan Teknologi Maklumat mendapat tempat kedua dan tempat ketiga Jabatan Penguatkuasa dan Keselamatan.

Perarakan bermula dari Stadium MPS dan berakhir di Menara MPS.

Perarakan ini telah diketuai oleh Tuan Yang Dipertua bersama Timbalan Yang Dipertua dan pengarah-pengarah jabatan. Hampir 400 orang kakitangan dari 19 Jabatan dan Bahagian telah menyertai perarakan ini.

Sempena sambutan ini juga, MPS turut mengadakan ceramah agama yang telah disampaikan oleh YBhg. Al-fadhil Ustaz Suhaimi bin Ahmad Wakid.



## SAMBUTAN MAULIDUR RASUL PERINGKAT NEGERI SELANGOR

**SAMBUTAN** Maulidur Rasul peringkat negeri Selangor telah diadakan pada 14 Januari 2014. MPS telah menghantar satu pasukan yang dianggotai seramai 42 orang. Perarakan ini diketuai oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor dan Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan negeri Selangor.



## CERAMAH OLEH USTAZ KAZIM ELIAS "ELAK DERITA CARI BAHAGIA"



MPS dengan kerjasama Biro Agama dan Kebajikan, Kelab Sukan dan Kebajikan telah menganjurkan ceramah agama yang bertajuk "Elak Derita Cari Bahagia" oleh Ustaz Kazim Elias. Program ini telah yang diadakan pada 19 Mac 2013 bertempat di Dataran Templer, Bandar Baru Selayang.

Program yang bermula pada jam 8.45 malam ini telah dihadiri oleh Tuan YDP, Timbalan YDP, Ahli-ahli Majlis, kakitangan MPS dan lebih 1500 orang masyarakat dari sekitar Selayang.

## PERTANDINGAN NASYID MPS 2014

### JABATAN KORPORAT MUNCUL JUARA

PERTANDINGAN Nasyid MPS telah diadakan pada 22 Februari 2014 bertempat di Lobi Menara, MPS. Pertandingan ini telah berjaya menarik 14 penyertaan yang terdiri daripada jabatan-jabatan dalaman MPS.

Pertandingan ini telah dirasmikan oleh YBrs. Tuan Mohd Azizi bin Mohd Zain, Yang Dipertua, MPS. Tujuan pertandingan ini adalah untuk meningkatkan semangat kecintaan terhadap Islam di samping untuk mengeratkan jalinan kerjasama dan kesepakatan dalam kalangan warga MPS.

Jabatan Korporat yang menyampaikan lagu bertajuk "Tiada yang kekal melainkan Allah" telah diisytiharkan sebagai Juara manakala tempat kedua telah dimenangi oleh Jabatan Perbendaharaan (Hasil) dan

tempat ketiga telah dimenangi oleh Jabatan Kesihatan.

Pertandingan ini dianjurkan oleh Biro Agama, Kelab Sukan dan Kebajikan MPS.





**5S**  
**AMALAN KAMI**

LAWATAN 5S DARI PEJABAT DYMM SULTAN SELANGOR

## **MPS Jadi Tanda Aras**

MPS telah menerima kunjungan lawatan kerja dari Pejabat DYMM Sultan Selangor, Istana Alam Shah pada 7 Mac 2014.

Tujuan lawatan adalah untuk melihat dengan lebih dekat dan terperinci mengenai pelaksanaan Amalan Persekitaran Berkualiti (APB) 5S di MPS. Deligasi adalah seramai 25 orang dan diketuai oleh En. Mazlan Yahya.

Taklimat berkaitan APB 5S di MPS telah disampaikan oleh En. Mohamad Zin bin Masoad, Pengarah Jabatan Korporat selaku Pengerusi Program APB 5S Majlis Perbandaran Selayang. Deligasi dari Pejabat Sultan Selangor telah dibawa melawat jabatan-jabatan bagi melihat amalan 5S yang dilaksanakan di setiap jabatan di MPS.



## LAWATAN URUSETIA **SPR Ke Pulau Pangkor**

PADA 14 hingga 16 Mac 2014 telah diadakan satu lawatan ke Pulau Pangkor bagi memberi penghargaan dan sumbangan kepada petugas-petugas serta urusetia Pilihanraya SPR-13 P097 Selayang.

Seramai 38 orang petugas telah menyertai lawatan tersebut. Antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan adalah lawatan ke kilang pembuatan ikan, lawatan ke Muzium Pangkor, Kota Belanda dan aktiviti riadah seperti snorkeling dan sebagainya.


LAWATAN PENANDAARASAN AMALAN PERSEKITARAN BERKUALITI (APB) 5S MPS

## **MPS Timba Ilmu di MBSA**

PADA 26 Februari 2014, Jawatankuasa Latihan ABP 5S Zon Cinnamomun, Jabatan Pembangunan Masyarakat telah menganjurkan satu lawatan penandaarasan 5S ke Majlis Bandaraya Shah Alam. Seramai 16 orang kakitangan telah menyertai lawatan ini.

Lawatan kerja ini bertujuan untuk berkongsi pengalaman serta kaedah-kaedah pelaksanaan yang telah dijalankan oleh PBT tersebut sehingga berjaya memperoleh Sijil Pengiktirafan Terbaik dan Penganugerahan APB serta dinobatkan PBT Terbaik seluruh Selangor bagi Program 5S tahun 2013.

Sepanjang lawatan ini, pihak jawatankuasa telah diberikan taklimat oleh wakil MBSA berkenaan pelaksanaan program 5S yang telah diaplikasikan oleh pihak MBSA. Di samping itu, jawatankuasa juga telah berpeluang berkongsi idea dengan mempelajari beberapa skop kerja program ABP 5S dan juga telah dibawa melawat ke lokasi-lokasi pengauditan 5S antaranya Sudut Induk 5S, ruang kerja kakitangan dan ruangan-ruangan fasiliti seperti tandas, surau dan pantri.



## MPS Tuan Rumah Mesyuarat Stanco PBT

MPS telah dipilih untuk menjadi tuan rumah bagi Mesyuarat Jawatankuasa Kerajaan Tempatan negeri Selangor bilangan 2/2014. Mesyuarat ini telah diadakan pada 21 Februari 2014 bertempat di Bilik Mesyuarat Anggerik, Tingkat 9, Menara MPS.

Mesyuarat telah dipengerusikan oleh Y.B. Dato' Teng Chang Khim selaku Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Kajian & Penyelidikan. Mesyuarat ini telah dihadiri oleh semua Dato' Bandar dan Yang dipertua Majlis dari 12 PBT di Selangor. Mesyuarat ini diurusetikan oleh Seksyen Pihak Berkuasa tempatan Negeri Selangor.



## Sesi Penerangan Kepentingan Perangkap Minyak Didik Pemilik Premis Makanan

SESI penerangan mengenai penggunaan perangkap minyak kepada semua pemilik kedai makanan dan penjaja telah diadakan pada 19 Februari 2014 bertempat di Dewan Seri Siantan, Sungai Tua. Sesi penerangan ini telah dirasmikan oleh YBrs. Tuan Mohd Azizi bin Mohd Zain, Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Selayang.

Objektif penganjuran program ini adalah untuk memberi penerangan dan cara penggunaan sistem perangkap minyak yang betul di samping untuk memberikan maklumat dan kesan lain terhadap alam sekitar jika sistem perangkap minyak ini dilaksanakan.

Bengkel separuh hari ini telah diisi dengan empat taklimat dan penerangan. Antara yang terlibat dalam memberikan taklimat ialah Pihak Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia, pihak BioGt, pihak Perunding Perangkap Minyak dan pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Bengkel ini telah berjaya mengumpulkan lebih 500 orang peserta yang terdiri dari pemilik gerai makanan dan para peniaga makanan



## ANUGERAH KONTRAKTOR MPS 2013 IKTIRAF KONTRAKTOR CEMERLANG

MAJLIS Anugerah Kontraktor telah diadakan pada 21 Februari 2014 bertempat di Ideal Convention Center, Prima Selayang. Majlis ini adalah julung kali diadakan dan MPS adalah PBT pertama di Selangor yang melaksanakan Majlis seumpama ini.

Tujuan majlis ini diadakan adalah untuk memberikan penghargaan dan anugerah kepada kontraktor MPS yang terlibat dalam pembersihan awam, kutipan sisa pepejal dan landskap yang telah melaksanakan kerja-kerja dengan baik sepanjang tahun 2013.

Anugerah ini juga sebagai nilai tambah kepada kontraktor-kontraktor yang terlibat dalam membuktikan mereka telah melaksanakan kerja-kerja dengan baik dan bertanggungjawab.

Sebanyak 22 anugerah telah disampaikan yang merangkumi beberapa ketagori dan kriteria penilaian.



# hari keluarga MPS 2014

KELUARGA ERAT MPS SEPAKAT

ACARA Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan MPS telah berlangsung penuh meriah di Taman Rimba Bukit Lagong, Selangor dengan pelbagai aktiviti menarik pada 22 Mac 2014.

Tuan YDP di dalam ucapannya menyatakan penting semangat kerjasama dan perpaduan di dalam organisasi seperti MPS. Untuk mencapainya memerlukan pelbagai cara dan aktiviti hari Keluarga adalah salah satu program yang sesuai. Melalui program ini, kakitangan dan keluarga dari pelbagai kategori dapat mengambil bahagian dalam acara yang disediakan dengan penuh semangat kesukanan.

Beliau juga mengingatkan agar semua pihak megambil kesempatan di acara seperti ini untuk melepaskan tekanan bekerja dan meluangkan masa bersama keluarga. Dengan cara ini, hubungan kekeluargaan akan bertambah erat dan prestasi kerja juga akan meningkat. Beliau percaya bahawa hubungan akrab yang terjalin erat di antara semua warga kerja dan suasana harmoni yang sedia wujud di organisasi akan memudahkan pelaksanaan program pembangunan yang telah dirancang.

Beliau berharap melalui program seperti ini, warga kerja MPS dapat mengamalkan semangat kerja berpasukan yang tinggi di dalam melaksanakan tugas-tugas harian. Ini kerana dengan wujudnya semangat kerjasama yang erat dan interaksi berterusan di kalangan warga kerja akan meningkatkan peranannya dengan efektif khususnya dalam membantu menjayakan hala tuju organisasi.

Beliau mengucapkan tahniah kepada Kelab Sukan dan Kebajikan MPS yang telah berjaya merealisasikan hari keluarga MPS pada tahun ini.

Acara kemudian diteruskan dengan pelbagai aktiviti yang telah dirancang antaranya adalah sukaneka, senamrobik dan cabutan bertuah.







HALANGAN

## Kerusi & Meja



**OPERASI** sitaan halangan kerusi meja atas jalan telah diadakan pada 18 Januari 2014 di Taman Jati, Batu 17, Rawang. Operasi tersebut telah disertai Jabatan Penguatkuasa dan Keselamatan dan Jabatan Pelesenan.


Tindakan penguatkuasaan telah diambil, antaranya sitaan 1 penjaja menjual makanan, sitaan 1 penjual VCD haram- 209 keping VCD, sitaan 2 lesen penjaja kerana berniaga di lokasi yang tidak dibenarkan.

OPS ROBOH

## Bangunan Bangsal Tanpa Izin



**SATU** operasi merobohkan bangsal tanpa izin telah diadakan pada 19 Mac 2014 di sekitar Batu 20, Rawang. Antara kesalahan yang diambil tindakan adalah membina tanpa izin stor, tembok, susur, tiang di tempat awam. Dalam operasi itu, anggota Penguatkuasa dan Keselamatan telah mengambil 2 tindakan Notis Sek.46(1)(a), Akta Jalan Parit & Bangunan 1974 dan tindakan operasi perobohan.



## Ops Barangan Lusuh

**JABATAN** Penguatkuasa dan Keselamatan telah melakukan pemeriksaan terhadap premis yang membuat aktiviti pemrosesan barangan lusuh di atas tanah persendirian pada 19 Mac 2014 di Kampung Changkat, Gombak.

Pemilik premis gagal patuhi syarat yang telah ditetapkan. Operasi bersepadu telah dijalankan & tindakan sitaan sebuah lori dan tong RORO dilakukan.



## Ops Penjaja Bergerak

**UNIT** Khas Jabatan Penguatkuasaan dan Keselamatan telah membuat operasi penjaja bergerak di hadapan sekolah di sekitar kawasan Selayang 11 Mac 2014.

Dalam Operasi tersebut pihak Penguatkuasaan dan Keselamatan berjaya menyita 10 buah motor penjaja bergerak yang menjual aiskrim, makanan ringan dan lain-lain tanpa lesen perniagaan.



## Halangan Dalam Petak Parkir

**TINDAKAN** penguatkuasaan telah dibuat di sebuah restoran kerana menghalang petak parkir 13 Mac 2014 di Rawang Mutiara 1, Rawang.

Restoran tersebut dikenakan tindakan notis pinda halangan di bawah Sek. 46(3)(a), Akta Jalan Parit & Bangunan, dan diberikan tempoh selama 3 hari. Kegagalan restoran mematuhi notis telah menyebabkan tindakan perobohan khemah perniagaan di dalam petak parkir yang melibatkan 5 petak parkir digunakan.





BENGGKEL KAJIAN SEMULA PENGURUSAN MS ISO 9001:2008 MPS

## Visi dan Misi Lebih Progresif dan Mampan

**BENGGKEL** Kajian Semula Pengurusan MS ISO 9001:2008 MPS : MAMPU dan Pelaksanaan Pelan Strategik MPS oleh Encik Mohamad telah diadakan di Hotel Impian Morib Banting Selangor bermula pada : Zin Bin Masaod, Pengarah Korporat MPS.

9 hingga 11 Mac 2014. Objektif bengkel ini antaranya adalah untuk : Sesi perbincangan kumpulan juga telah diadakan dimana melihat semula pelan strategik MPS agar sejajar dengan perkembangan : perbincangan adalah berdasarkan enam Objektif Strategik yang semasa, merangka strategi pelaksanaan pelan strategik dan merangka : terdapat di dalam Pelan Strategik (2011-2015) MPS. Perbincangan halatuju dan tadbir urus MPS bagi tahun 2014. Seramai 45 orang : dibahagikan kepada 3 kumpulan dimana setiap kumpulan ditetapkan peserta terdiri daripada Ketua-ketua Skop dan Ahli-ahli Dokumentasi : untuk membincangkan dua objektif strategik. Hasil perbincangan setiap jabatan telah menghadiri bengkel ini. : telah dibentangkan kepada Tuan YDP MPS bagi mendapatkan komen dan pandangan beliau. Antara hasil penting dari bengkel ini adalah

Beberapa sesi taklimat telah diberikan iaitu berkenaan Overview : keputusan untuk mengubah Visi dan Misi MPS supaya lebih padat dan Pengukuran Prestasi Sektor Awam dan Penilaian Semula Strategik : ringkas. MPS oleh Encik Mohd Kamal Azizi bin Shaadan, Ketua Fasilitator :

KURSUS PASUKAN AUDIT DALAM MS ISO 9001:2008

## Tingkat kefahaman Ahli Audit

**BAGI** memberi kefahaman tentang fungsi dan peranan ahli audit khususnya bagi ahli-ahli audit yang baru dilantik pada tahun ini, MPS telah menganjurkan Kursus Audit Dalam MS ISO 9001:2008 bermula pada 26 hingga 27 Mac.

Seramai 14 orang ahli pasukan Audit Dalam MS ISO telah hadir pada kursus kali ini yang mana seramai 4 orang adalah ahli yang baru dilantik. Fasilitator untuk bengkel ini adalah Tuan Haji Zulkifle bin Hashim daripada Perunding Paksi Rezeki Sdn. Bhd.




BENGGKEL PEMILIHAN DAN PEMBENTANGAN TAJUK KIK

## Pihak Pengurusan Kongsi Idea Baru

**SELARAS** dengan usaha MPS untuk : projek yang akan dijalankan. Melalui menghasilkan projek-projek KIK yang : pembentangan yang diadakan, pihak berkualiti dan berdaya saing, satu : pengurusan juga dapat memberi Bengkel Pemilihan dan Pembentangan : idea-idea baru dan pendapat tentang Tajuk KIK kepada Pengurusan MPS : penambahbaikan projek dan cadangan telah diadakan pada 17 dan 20 Februari : yang berkaitan. 2014 di Dewan Keraian, Menara MPS.

Objektif pelaksanaan bengkel ini : Fasilitator untuk Bengkel Pemilihan dan Pembentangan Tajuk KIK kali ini adalah En. Zulkifli Bin Hamzah yang juga bertindak selaku penasihat kumpulan dan berkaitan dengan projek yang : KIK MPS. Bengkel ini melibatkan semua dilaksanakan supaya setiap kumpulan : 15 kumpulan KIK dari Jabatan di MPS dapat melaksanakan projek mereka : dengan betul dan tepat.

Bengkel ini juga berobjektif untuk : setiap kumpulan KIK mendapatkan pengesahan dan kelulusan dari pihak : pengurusan berkenaan dengan :



## Kerajaan Negeri Selangor Ambil Berat Pembangunan Batu Caves - YAB MB

YAB Tan Sri Khalid Ibrahim, Dato' Menteri Besar Selangor telah hadir ke Majlis Sambutan Thaipusam Peringkat Negeri Selangor pada 16 Januari 2014.

YAB Dato' Menteri Besar Selangor dalam ucapan telah menerangkan tentang isu Batu Caves di mana beliau menekankan bahawa Kerajaan Negeri Selangor dan juga MPS telah memastikan bahawa keselamatan struktur di Batu Caves dan kawasan sekitar adalah menjadi keutamaan. Beliau menekankan bahawa segala perancangan pembangunan yang berjalan di kawasan sekitar Batu Caves perlu mengikut peraturan yang telah ditetapkan.

Di akhir ucapan, beliau turut menyeru agar rakyat Selangor dapat terus menunjukkan persefahaman dan mengamalkan kehidupan yang harmoni di antara sesama kaum dan kepercayaan.

Turut hadir ialah YB Tuan William Leong Jee Keen, Ahli Parlimen Selayang, YB Tuan Amirudin bin Shari, Adun Batu Caves, YB Gan Pee Nie, Adun Rawang dan Tuan Mohd Azizi bin Mohd Zin, YDP MPS.



## Sambutan Thaipusam Berjalan Lancar



**SEMPENA** sambutan Thaipusam puluhan ribu penganut Hindu membanjiri kawasan Kuil Sri Subramaniam, Batu Caves.

Sebagai langkah penguatkuasa dan persediaan bagi kerja-kerja pembersihan, MPS telah menggerakkan sejumlah 50 anggota penguatkuasa terdiri daripada kakitangan Jabatan Pelesenan dan Jabatan Kesihatan.

Keutamaan tugas bertujuan untuk memastikan setiap penjaja memiliki permit perniagaan yang sah di samping menjalankan perniagaan di kawasan yang ditentukan sahaja. MPS telah menyediakan sebanyak 722 petak perniagaan dengan kutipan hasil pembayaran permit sebanyak RM 81,215.00.

Bagi tujuan pembersihan, MPS telah menempatkan tong-tong sampah di kawasan tumpuan dengan meningkatkan kekerapan kutipan. Sepanjang sambutan Thaipusam tersebut, MPS telah mengutip sebanyak 320 kapasiti tan sampah.



PROGRAM TRANSFORMASI MINDA (PTM) SESI 1/2014

## Peserta Diterapkan Dengan Nilai Budaya Kerja Cemerlang

PADA 24 hingga 28 Mac telah diadakan Program Transformasi Minda (PTM) untuk pegawai dan kakitangan berstatus tetap di Majlis Perbandaran Selayang. Seramai 50 orang pegawai dan kakitangan Kumpulan A, B, C dan D yang telah hadir mengikuti program ini di Kompleks Sukan Siantan. Program Transformasi Minda (PTM) ini diadakan untuk memberi pendedahan dan penyesuaian minda pegawai di peringkat awal pelantikan dalam perkhidmatan awam. PTM juga merupakan satu daripada syarat pengesahan dalam

perkhidmatan bagi menggantikan Kursus Induksi.

Program ini dibentuk bagi membolehkan pegawai memahami prinsip dan falsafah pembentukan negara, jentera pentadbiran kerajaan dan peraturan-peraturan asas. PTM yang dilaksanakan dalam tempoh lima (5) hari meliputi tiga (3) segmen iaitu Negara dan Perkhidmatan Awam; Tanggungjawab dan Peranan Pegawai serta Budaya Kerja Kelas Pertama.

Penceramah luar dari Suruhanjaya

Perkhidmatan Rasuah Malaysia (SPRM), Institut Tadbiran Awam (INTAN) dan Biro Tata Negara (BTN) telah pun dijemput bagi memberikan ceramah serta berkongsi ilmu dengan peserta.

Unit latihan Khidmat Pengurusan bersama-sama dengan Unit latihan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) telah berjaya mengendalikan program dengan baik. Dengan kejayaan program ini, program seperti ini akan diteruskan di masa hadapan untuk kakitangan kumpulan yang lain.



## Senarai Nama Kakitangan Baru

Bil	Nama	JAWATAN	JABATAN	TARIKH MULA BERTUGAS
1.	Nur Azyati Binti Zainal Abidin	Pembantu Tadbir N17 (Perkeranian/Operasi)	Jabatan Perbendaharaan	16 Januari 2014
2.	Ahmad Azwal Bin Rusidi	Penolong Pegawai Perubatan U29	Jabatan Kesihatan	17 Mac 2014
3.	Muhammad Anwar Bin Ismail	Pembantu Penilaian W17	Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta	17 Mac 2014
4.	Muhammad Aslam Bin Rosman	Pembantu Penilaian W17	Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta	16 Januari 2014
5.	Thulasi A/P Sr Selvakumar	Pembantu Tadbir N17 (Perkeranian/Operasi)	Jabatan Perundangan	16 Januari 2014
6.	Mustofa Masyhur Bin Hashim	Pembantu Penilaian W17	Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta	16 Januari 2014

## Perhimpunan Bulanan MPS



JANUARI

Amnat Tuan YDP di Perhimpunan Tahun Baru 2014

FEBRUARI

Penyampaian Hadiah Bagi Anugerah Zon Bersih 2013

MAC

Penyampaian Hadiah Bagi Anugerah Komuniti K-STAR Jabatan Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB)

PROGRAM XPDC MENJEJAK MENTARI (BUKIT BROGA)

## Kakitangan MPS tawan Puncak Broga



**BIRO** Rekreasi, Kelab Sukan dan Kebajikan Majlis Perbandaran Selangor telah menganjurkan XPDC Menjejak Mentari (Bukit Broga) pada 08 Februari 2014.

Objektif program ini adalah memberi pendedahan dan memupuk minat kakitangan Majlis Perbandaran Selangor terhadap kegiatan aktiviti

riadah sihat dan cintai alam semula jadi, selain menggalakkan rekreasi di kalangan kakitangan MPS.

Seramai 88 orang kakitangan MPS dari pelbagai peringkat telah menyertai XPDC ini. Dalam XPDC ini, bendera MPS telah dikibarkan di puncak Bukit Broga.

## D'EXORAZ MERIAHKAN LE TOUR DE LANGKAWI

**KUMPULAN** Kugiran MPS D'exoraz telah dijemput untuk mengadakan persembahan pentas bagi mengisi slot acara sampingan sepanjang Kejohanan Le Tour De Langkawi (LTDL) 2014 yang merupakan edisi kali ke-19 anjuran Kementerian Belia & Sukan dengan kerjasama Majlis Sukan Negara dan Persatuan Berbasikal Kebangsaan Malaysia.

Kejohanan yang diadakan pada 28hb hingga 8hb Mac 2014 melibatkan 10 peringkat laluan sejauh 1,506.5 km. Kayuhan ini telah bermula di Langkawi dan telah berakhir di Kuala Terengganu.

Dengan adanya pengiktirafan seperti ini secara tidak langsung dapat mengharumkan dan menaikkan imej Majlis di peringkat yang lebih tinggi.



**mes** Merakyatkan Ekonomi Selangor  
sejak 2008



Negeri Idaman, Maju, Sejahtera dan Berkeadilan  
**selangorku**  
Hasil Negeri Untuk Rakyat



### TABUNG WARISAN ANAK SELANGOR

Yayasan Warisan Anak Selangor (Yawas)  
A1-11-2 & A1-11-3 Jalan Multimedia 7/AH,  
Park City, I-City, 40000 Shah Alam, Selangor.  
Tel: 03-5521 8740 atau 03-5521 8741  
Faks: 03-5521 8742 atau 03-5521 8743

### SKIM MESRA USIA EMAS

Rantaian Mesra Sdn. Bhd.  
Tingkat G, Bangunan Darul Ehsan  
No. 3, Jalan Indah, Seksyen 14, 40000 Shah Alam  
Tel: 03-5510 3468 / 3472, Faks: 03-5510 3455  
E-mail: mesrausiaemas@gmail.com

### HADIAH ANAK MASUK IPT

Pejabat Setiusaha Kerajaan Negeri Selangor  
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia  
Tingkat 3, Bangunan S.S.A.A.S 40503 Shah Alam,

Tel: 03-5544 7385 atau 03-5521 2275  
Faks: 03-5510 4095 atau 03-5511 0659

### TABUNG PENDIDIKAN ANAK PEKERJA LADANG

Pejabat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri  
Selangor, Tingkat 5, Bangunan SSAAS,  
40503 Shah Alam.  
Tel: 03-5544 7306 atau 03-5512 3618,  
Faks: 03-5510 6678

### PUSAT KHIDMAT KRISIS SEHENTI (OSCC)

Exco Kebajikan, Hal Ehwal Wanita, Sains Teknologi  
Dan Inovasi  
Tel: 03-5519 4346 atau 03-5544 7622, Faks: 03-5519  
3304

### BEKALAN AIR PERCUMA 20 METER PADU

Kumpulan Darul Ehsan Berhad  
16th-17th Floor, Plaza Perangsong, Persiaran  
Perbandaran,  
40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan  
Tel: 03-5510 3999, Faks: 03-5510 9977  
E-mail: communications@kded.com

### PROGRAM PENINGKATAN HASIL BANTUAN DAN GALIAN

Kumpulan Semesta Sdn. Bhd  
No. 2-12-01, Worldwide@7, Jalan Lazuardi 7/29  
Seksyen 7, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.  
Tel: 03-5518 7735, Faks: 03-5518 7736  
E-mail: info@semesta.com.my  
url: www.semesta.com.my

## KEJOHANAN PING PONG BERPASUKAN PIALA YANG DIPERTUA DAERAH BENTONG



**KEJOHANAN** Ping pong Berpasukan Piala Yang Dipertua Daerah Bentong telah diadakan pada 29 Mac 2014 (Sabtu) bertempat di Dewan Majlis Perbandaran Bentong, Pahang. Pasukan MPS telah berjaya meraih tempat ketiga dan membawa pulang hadiah wang tunai, piala dan hamper

## KEJOHANAN TENPIN BOWLING PIALA KETUA POLIS DAERAH GOMBAK 2014



**KEJOHANAN** Tenpin Bowling Piala Ketua Polis Daerah Gombak 2014, telah diadakan pada 29 Mac 2014 (Sabtu) bertempat di Wangsa Bowl, Selayang Mall. Pasukan MPS telah dinobatkan sebagai Juara dan membawa pulang sebuah piala iringan beserta hamper.

## LAWATAN KE SUNGAI LEMBING, PAHANG UNTUK BANGUN PUSAT PELANCONGAN MPS


**JAWATANKUASA** teknikal Jawatankuasa Teknikal Bandar Warisan Batu Arang MPS telah melakukan lawatan ke Sungai Lembing sebagai salah satu cara bagaimana ia dibangunkan sebagai tapak warisan. Lawatan dan kajian teknikal yang bermula pada 4 sehingga 6 Mac 2014 ini dilihat sebagai satu platform bagi Jawatankuasa Teknikal ini menghasilkan pelan-pelan tindakan yang realistik dan berjangka panjang yang mempunyai nilai-nilai mampan (sustainable) bagi merealisasikan matlamat Majlis untuk membangunkan Pusat Pelancongan Berasaskan Warisan Dan Sejarah di Pekan Batu Arang antara yang terbaik seumpunya di Selangor. Objektif lain lawatan ini adalah:

- Penghasilan proses teknikal pemuliharaan terowong bijih timah sehingga kepada pembangunan 'open museum' yang menjadi tarikan pelancong.
- Penghasilan Rancangan Khas Kawasan (RKK) bagi Pekan Sungai Lembing untuk tujuan pelancongan warisan dan sejarah.
- Pewartaan, pemeliharaan dan pemuliharaan bangunan-bangunan dan monumen-monumen sejarah serta warisan di Pekan Sungai Lembing dan

sebahagian lokasi sejarah di kawasan Pekan Sungai Lembing dan lain-lain yang berkaitan.

- Pembangunan dan pakej pelancongan yang menghubungkan kesemua lokasi-lokasi bersejarah ini.
- Promosi dan penjenamaan Pekan Sungai Lembing untuk tujuan pembelajaran dan pembangunan pelancongan di Malaysia.
- Program-program dan aktiviti-aktiviti pelancongan yang berkaitan Sejarah Pekan Sungai Lembing dan Pelancongan Pekan Sungai Lembing
- Penghasilan Pelan Induk Landskap (PIL) yang mencakupi pembangunan pelancongan Bandar Kuantan dan Pekan Sungai Lembing.

Antara tempat-tempat yang dilawati di Sungai Lembing adalah Terowong Tabeto, Lubang Sejuta, Bukit Kiew, Muzium Sg. Lembing dan sebagainya. Satu taklimat berkenaan Sungai Lembing juga telah diberikan oleh pihak Muzium Sungai Lembing kepada ahli rombongan. Hasil lawatan dan penemuan dari lawatan ini akan digunakan oleh Jawatankuasa Teknikal Bandar Arang bagi perancangan pembangunan Bandar Warisan Batu Arang.



# TALIAN ADUAN BEBAS TOL MPS

# 1800-222-677



**Hubungi untuk aduan  
atau pertanyaan  
mengenai :**

- ▶ Sampah
- ▶ Cukai Taksiran
- ▶ Alam Sekitar
- ▶ Kemudahan Awam
- ▶ Permohonan Lesen
- ▶ Penyelenggaraan
- ▶ Penguatkuasaan
- ▶ Landskap / Pokok
- ▶ Haiwan
- ▶ Bencana Alam
- ▶ Jalan
- ▶ Lain-lain

**Bahagian Pengaduan Awam  
Jabatan Korporat**

Majlis Perbandaran Selayang  
Menara MPS, Persiaran 3, Bandar Baru Selayang  
68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan  
Tel: 603-6126 5800 Fax: 603-6138 8933  
e-Mel: [aduanmps@mps.gov.my](mailto:aduanmps@mps.gov.my)